



جامعة السلطان عبد الحليم معظّم شاة الاسلاميّة العالميّة
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 5 TAHUN 2022

KELONGGARAN SYARAT KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH GRED DS45 KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED DS51/52 SECARA AUTOMATIK BAGI PEGAWAI AKADEMIK WARGANEGARA

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH (UniSHAMS)

1. TUJUAN

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan menjelaskan mengenai kelonggaran syarat kenaikan pangkat Pensyarah Gred DS45 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52 secara automatik bagi pegawai akademik warganegara, yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengelola Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (LPU).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Kenaikan pangkat atau lantikan baharu seseorang pegawai atau calon pegawai ke jawatan Pensyarah Kanan lazimnya perlu memenuhi kesemua kriteria yang ditetapkan dalam Dasar dan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik.
- 2.2. Lembaga Pengelola Universiti menerusi satu resolusi LPU (UniSHAMS/LPU/Reso (06) 2021) bertarikh 19 Disember 2021 telah bersetuju untuk memperakukan syor mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perjawatan dan Perkhidmatan (JKTPP) Kali-43 Bil. 02/2021 terhadap cadangan kelonggaran syarat bagi kenaikan pangkat pensyarah DS45 ke jawatan Pensyarah Kanan DS51/52 secara automatik bagi pegawai akademik warganegara sahaja.

3. TAFSIRAN

- 3.1. Dalam dokumen ini:
 - 3.1.1. "Pegawai Akademik" adalah bermaksud seseorang yang dilantik dan menandatangani suatu kontrak perkhidmatan dengan Universiti;

- 3.1.2. "Waran Perjawatan" adalah bilangan perjawatan bagi skim perkhidmatan DS51/52, DS53/54 DAN VK7 yang diluluskan oleh LPU untuk tahun semasa.
- 3.1.3. "Pihak Berkuasa" adalah LPU atau jawatankuasa yang diberikan kuasa oleh LPU untuk urusan kenaikan pangkat sepertimana di dalam Perlembagaan UniSHAMS dan di dalam Had Kuasa Pihak Berotoriti (Limits of Authorities).
- 3.1.4. "LPU" merujuk kepada Lembaga Pengelola Universiti.
- 3.1.5. "Kenaikan Pangkat" adalah bermaksud peningkatan secara hakiki dari satu gred ke suatu gred yang lebih tinggi dalam perkhidmatan dan skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Pengelola Universiti (LPU).
- 3.1.6. "Warganegara" adalah merujuk kepada pegawai yang mempunyai kerakyatan Malaysia seperti yang terkandung dalam Peraturan Kewarganegaraan 1964.

4. SYARAT KENAIKAN PANGKAT DS45 KE DS51/52 SECARA AUTOMATIK

4.1. Syarat kenaikan pangkat Pensyarah Gred DS45 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52 secara automatik khusus bagi Pegawai Akademik warganegara adalah mengikut salah satu daripada dua kaedah (atau saluran) berikut:-

4.1.1. Saluran 1:

- 4.1.1.1. Memperolehi ijazah doktor falsafah (PhD dan seumpamanya); serta
- 4.1.1.2. Mengemukakan skrol dan transkrip secara rasmi ke Pengarah Bahagian Sumber Manusia (Pejabat Pendaftar).

4.1.2. Saluran 2:

- 4.1.2.1. Berkhidmat melebihi tempoh 15 tahun di INSANIAH / KUIN / UniSHAMS sebagai Pensyarah Gred DS45; dan
- 4.1.2.2. Mencapai markah 70% daripada markah kenaikan pangkat sepertimana yang dinyatakan dalam dokumen Dasar dan Garis Panduan Kenaikan Pangkat Pegawai Akademik UniSHAMS; dan
- 4.1.2.3. Sedang mengikuti program ijazah doktor falsafah dalam bidang berkaitan.

5. PENANGGUHAN KENAIKAN PANGKAT SECARA AUTOMATIK

- 5.1. Kenaikan pangkat adalah kuasa Lembaga Pengelola Universiti dan boleh ditangguhkan atas apa-apa alasan oleh pihak Universiti tanpa prejudis dan tanpa perlu memaklumkan kepada pegawai yang terbabit.
- 5.2. Kenaikan pangkat Pensyarah Gred DS45 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52 secara automatik juga adalah tertakluk kepada bilangan atau waran perjawatan berkaitan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengelola Universiti (LPU) bagi tahun semasa.
- 5.3. Bagi keadaan di mana waran perjawatan tidak mencukupi untuk kenaikan pangkat kepada pegawai akademik yang layak diberikan kenaikan pangkat secara automatik pada tahun semasa, kekananan dan merit akan terus dijadikan asas pertimbangan bagi kenaikan pangkat tersebut selaras dengan Peraturan 44 (1) dalam dokumen Peraturan-Peraturan Perkhidmatan 2018.
- 5.4. Sekiranya waran perjawatan telah tiada atau tidak mencukupi, tambahan waran perjawatan akan dipohon oleh pengurusan untuk kelulusan Lembaga Pengelola Universiti (LPU) bagi tahun berikutnya.
- 5.5. Pegawai yang tidak mendapat kenaikan pangkat pada tahun semasa disebabkan oleh waran perjawatan tidak mencukupi akan mendapat keutamaan untuk kenaikan pangkat secara automatik pada tahun berikutnya.

6. CARTA ALIR

Proses kerja iaitu carta alir proses kelonggaran syarat kenaikan pangkat Pensyarah Gred DS45 ke jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52 secara automatik bagi pegawai akademik warganegara adalah seperti di **Lampiran 1**.

7. BACAAN BERSAMA

Garis panduan ini perlu dibaca bersama Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pegawai UniSHAMS (2018), Skim Perkhidmatan KUIN (2017) dan Garis Panduan Kelonggaran Syarat Kenaikan Pangkat Pensyarah Gred DS45 Ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52 Secara Automatik Bagi Pegawai Akademik Warganegara, Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

8. TARIKH KUATKUASA

Kelonggaran Syarat Kenaikan Pangkat Pensyarah Gred DS45 Ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51/52 Secara Automatik Bagi Pegawai Akademik Warganegara ini mula dilaksanakan dari tarikh kelulusan resolusi Lembaga Pengelola Universiti (LPU) seperti di perkara 2.2 di atas.



(HAJI MOHD FAHMI BIN SHEIKH OMAR)

Pendaftar

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS)

Tarikh : 31 Disember 2022

LAMPIRAN 1

PROSES KERJA KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI AKADEMIK WARGANEGARA SECARA AUTOMATIK BAGI PENSYARAH GRED DS45 KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED DS51/52.

CARTA ALIRAN	DISKRIPSI AKTIVITI	TINDAKAN
<pre> graph TD 1([1]) --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 -- "TIDAK LENGKAP" --> 2 3 -- "LENGKAP" --> 4[4] 4 --> 5[5] 5 --> 6{6} 6 -- "LULUS" --> 7[7] 7 --> 8([8]) 8 --> End[] </pre>	1. Mula	-
	2. Unit Perjawatan, mengenalpasti pegawai akademik yang sedang mengikuti pengajian di peringkat PhD.	Unit Perjawatan
	3. Unit Perjawatan menyenaraikan pegawai akademik yang berkhidmat melebihi tempoh 15 tahun sebagai Pensyarah Gred DS45 dengan lantikan tetap.	Unit Perjawatan
	4. Pegawai Akademik yang telah diperakui menamatkan pengajian PhD menyerahkan skrol kepada Unit Perjawatan dan bagi pegawai yang melebihi tempoh 15 tahun perlu disahkan semua syarat dipenuhi.	Unit Perjawatan Pegawai Akademik
	5. Unit Perjawatan akan menyemak dan mengesahkan skrol dan syarat kenaikan pangkat dipenuhi bagi memastikan calon yang layak akan diproses ke peringkat seterusnya.	Unit Perjawatan
	6. Unit Perjawatan akan membentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif (JPE) bagi calon yang layak dan melepasi tapisan bagi mendapatkan syor untuk dibawa ke JKTPP.	Unit Perjawatan
	7. Cadangan calon berkecualan dibentangkan dalam Jawatankuasa Tetap Perjawatan & Perkhidmatan (JKTPP) untuk disyorkan ke Lembaga Pengelola Universiti (LPU).	Unit Perjawatan
	8. Cadangan calon berkecualan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengelola Universiti (LPU) untuk mendapatkan kelulusan bagi urusan kenaikan pangkat secara automatik.	Unit Perjawatan
	9. Unit Perjawatan menyediakan surat tawaran kepada calon yang berjaya dan surat makluman kepada calon yang tidak berjaya	Unit Perjawatan
	Tamat	